

**DISKRIPSI**  
**MAJLIS PENGIKTIRAFAN PENYELIA PHD DAN**  
**PEMAKAIAN JUBAH 2011**

Majlis Pengiktirafan Penyelia PhD dan Pemakaian Jubah adalah satu majlis untuk mengiktiraf Penyelia-Penyelia yang telah berjaya menghasilkan graduan PhD. Juga adalah untuk menghargai graduan PhD yang telah menamatkan pengajian PhD dengan jayanya dan akan bergraduat pada 24 September 2011 (Sabtu) bersempena Majlis Konvokesyen, Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-39

Majlis ini bolehlah dianggap sebagai Majlis Pra Konvokesyen yang akan dimulakan dengan perarakan akademik oleh Penyelia dan Ahli Senat. Di dalam majlis ini nama graduan dan Tajuk Tesis PhD akan dibacakan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah dan akan dipakaikan jubah oleh Penyelia masing-masing.

Bagi pihak UKM, Pusat Pengurusan Siswazah merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelia dan sekalung tahniah kepada para graduan PhD.